

TARIKH	3 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	NASIONAL

## Tabung Haji teliti tawaran sedalamnya

**SHAH ALAM-** Lembaga Tabung Haji (TH) akan meneliti tawaran sedalamnya daripada sebuah syarikat tempatan Indonesia untuk mengambil alih 95 peratus kepentingannya dalam PT TH Indo Plantations (THIP) sejak Februari tahun lalu.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail berkata, THIP anak syarikat TH yang memiliki dan mengusahakan 83,879 hektar ladang kelapa sawit di Riau, Indonesia bermula 1997.

Beliau berkata, TH percaya tawaran memberi peluang pihaknya merealisasikan peningkatan nilai pelaburan dalam THIP.

"Transaksi sebegini memberi pulangan baik kepada pendepositnya. TH bercadang menggunakan hasil jualan ini untuk dilaburkan semula ke dalam aset perladangan yang lain.

"Industri perladangan, mengambil kira aliran tunai tetap sekali gus akan menjadi salah satu sektor pelaburan teras TH," katanya.

Katanya, TH akan terus mempergiatkan usaha untuk mengurus dana demi kepentingan 7 juta pendeposit, di samping memastikan pulangan kompetitif.